

# Elak perbahasan umum — Musa

UM-17/10/2006

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam hari ini menasihatkan semua pihak menghentikan perbahasan umum mengenai penguasaan ekuiti ekonomi negara oleh pelbagai kaum, dengan menyatakan ia boleh bertukar kepada sesuatu bersifat emosional.

Sambil menyebut Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) sebagai forum baik bagi membincangkan isu itu, Musa berkata perbincangan boleh juga diadakan menerusi langkah-langkah lain.

“(Membawa) faktor ini keluar daripada perhatian umum adalah amat penting memandangkan *mood* yang tercetus kini dalam negara dengan wujud terlalu banyak pemangsa yang meninjau-ninjau untuk meragut isu yang boleh bertukar kepada sesuatu bersifat emosional.

“Dan emosi dari segi perkawanan perlu ditangani dengan hati-hati.

“Terdapat terlalu ramai petua-lang politik yang sedia merebut isu dan mengeksploitasinya secara tidak rasional bagi memenuhi matlamat politik diri,” katanya kepada pemberita di sini.

Musa diminta mengulas isu perkongsian ekuiti ekonomi oleh pelbagai kaum di negara ini selepas menyampaikan ucapan di persidangan “ASEAN Civil Society Conference Malaysia Process: National Consultation on ASEAN Charter” di sini, hari ini.

Isu ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara mencetuskan kontroversi selepas Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) mendakwa bahawa penguasaan masyarakat itu telah

mencapai 45 peratus.

Ini disanggah oleh kerajaan kerana Unit Perancang Ekonomi (EPU) menghitung bahagian Bumiputera hanya 18.9 peratus. Asli kemudian memohon maaf dan menarik balik laporannya mengenai perkara itu.

Musa juga mencadangkan kerajaan menjemput pihak-pihak relevan (Asli atau organisasi dan badan pemikir lain) bagi membincangkan isu itu.

“Jika Asli atau mana-mana organisasi lain masih berfikir mereka ada sesuatu untuk disumbangkan, mereka harus membincangkannya. Mereka mesti tangani ini dengan segera.

“NEAC biasa menjadi forum berguna dalam erti perbincangan dan keputusan dibuat di luar perhatian umum,” kata beliau.

Beliau berkata semua pihak mesti berhati-hati bila mengemukakan isu berkaitan dengan kaum dan agama.

— Bernama